**Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli**

| | |
|---|---|
| **From:** | Unifilm Studio UUM |
| **Sent:** | 17 Februari 2016 8:22 |
| **To:** | UUM - All Staff |
| **Subject:** | ASAH BAKAT MENULIS SKRIP |
| **Attachments:** | bengkel skrip.pdf |

17 FEBRUARI 2016 / 8 JAMADILAWAL 1437H
====================================
"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
*(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)*

**ASAH BAKAT MENULIS SKRIP**

Sempena *Discover UUM 2016*, Unifilm Studio, Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menganjurkan **Bengkel Penulisan Skrip** pada **14 hingga 15 Mac 2016** bertempat di **EDC Hotel & Residence, UUM.**

Bengkel ini bertujuan memberi pendedahan serta memperkenalkan teknik-teknik asas penulisan **skrip drama TV, filem dan dokumentari.**

Selain itu juga bengkel ini dijangka dapat mengasah bakat dalam melahirkan lebih ramai penulis skrip selain dapat menggalakkan penghasilan skrip drama TV, filem dan dokumentari, sekaligus mampu memberi sumbangan dalam penjanaan pendapatan.

**Loh Chung Tat dan Puovin** adalah dua nama penulis skrip yang tidak asing lagi. Antara skrip filem *box office* mereka seperti Adnan Sempit, Adnan Sempit 2, Adnan Sempit 3, Adnan Sempit Sawadeekap, Semerah Cinta Stileto, Papa I Love u, Sekali Lagi, Hantu Air, Longkai, Nasi Kangkang dan banyak lagi.

Manakala bagi drama televisyen dan drama berepisod pula seperti Jodoh Sebelah Pintu, Man Rider, Suamiku Jururawat, Ruby, Waris, Sutera Maya, Legasi 43 Karat, Di Bawah Ketiak Isteri 2, Jangan Tegur Lagi, Zati & Si Mawas, Manjalara, Ai D Beijing, Impak Maksima, Hikayat Putera Shazlan.

Bersama-sama ini dilampirkan brosur bagi penyertaan bengkel berkenaan. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut, bolehlah menghubungi urus setia di talian 04-928 3763/ 019-5900552 (Pn. Nasiha Abdul Rashid) atau 04-928 3750/ 010-5619125 (En. Farid Muhammad Syukri).




==========================

DARIPADA:
UNIFILM STUDIO
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3750
FAKS: 04-928 3777
E-MEL: unifilm@uum.edu.my
WEBSITE: unifilm.uum.edu.my